

Newspaper	Berita Harian
Date	13/10/2012

# 'Perjumpaan biasa'

BH - 13/10/2012

## » Najib nafi pertemuan dengan Soros ada niat 'jahat'

Oleh Syed Azwan Syed Ali  
syedazwan@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

**D**atuk Seri Najib Razak menegaskan perjumpaannya dengan George Soros, dua tahun lalu di New York, adalah atas permintaan spekulator mata wang itu.

Perdana Menteri menyifatkan ia sebagai perjumpaan biasa antara dua pihak dan tiada apa perlu dibimbangkan atau apa-apa niat 'jahat' di sebalik pertemuan itu.

"Saya jumpa Soros atas permintaan dia (Soros) dan selepas Tun Dr Mahathir (Mohamad) jumpa dengan Soros. Saya anggap tiada masalah bagi saya jumpa Soros... yang penting bukan (kenapa) saya jumpa Soros tapi apa dibincangkan.

"Jadi kita tak bincang nak jatuhkan kerajaan, kita tak bincang dapat kewangan dan sebagainya... ia cuma 'normal courtesy call'," katanya pada sidang media selepas mem-

pengerusikan Mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di Menara Dato' Onn di sini, malam tadi.

Najib yang juga Pengerusi BN mengulas laporan portal propembangkang mengenai pertemuannya dan spekulator mata wang itu di sebuah hotel terkemuka di New York, seurus sebelum Perdana Menteri menyampaikan ucapan sulungnya di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

### PM perjelas pertemuan

Beberapa pemimpin pembangkang dilaporkan meminta Perdana Menteri menjelaskan mengenai perjumpaan itu yang mereka sifatkan sebagai 'pertemuan rahsia' dan memutar belit pertemuan itu.

Mengulas mengenai kabinet bayangan pakatan pembangkang, Najib berkata, terdapat beberapa perkara yang boleh dipertikaikan dalam kabinet bayangan itu yang tidak bersifat menyeluruh kerana tidak mempunyai wakil dari semua wilayah, termasuk Sabah selain bertujuan untuk menge-

lirukan rakyat.

Katanya, ia juga boleh dipertikaikan dari segi kronisme dan nepotisme ekoran peletakan beberapa pihak yang mempunyai kaitan kekeluargaan walaupun perkara itu dinafikan pembangkang.

Ditanya mengenai isu sumbangan RM40 juta kepada UMNO Sabah yang dikaitkan dengan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman, Perdana Menteri menyifatkan ia sebagai 'sumbangan politik'.

"Semua parti politik berhak menerima sumbangan politik selagi dibuat dengan cara betul," katanya.

Sebelum ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Nazri Abdul Aziz, dilaporkan berkata Jabatan Peguam Negara memutuskan elemen rasuah tidak dibuktikan dalam dakwaan membatikan Musa, selepas mengam-bil kira keterangan SPRM.

Pada sidang media yang turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan pemimpin parti komponen (BN), Najib berkata, Mesyuarat Dewan Tertinggi BN membincangkan mengenai Bajet 2013 dan memutuskan untuk terus memberikan penjelasan 111 intipati dalam bajet itu supaya pelaksanaan dapat memanfaatkan rakyat.